

Kolej ShahPutra terbukti cemerlang

H.M 10/12/06

KUANTAN: Selepas sembilan tahun penubuhannya, Kolej ShahPutra (KSP) membuktikan kecemerlangan pendidikan terus menjadi agenda utama bagi menjamin insan yang bukan sahaja cemerlang di Malaysia malah mampu menembusi pasaran kerja global.

Pengerusi Eksekutifnya, Dr Azman Zaini Abdul Ghanie, berkata berikutan kecemerlangan berterusan, KSP diberi kepercayaan dan tanggungjawab bagi menjalankan program kerjasama dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terkemuka tempatan.

Katanya, antara IPTA itu, termasuk Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Ini dapat dilihat daripada penambahan program yang diberikan oleh IPTA tempatan kepada Kolej ShahPutra," katanya.

Menurutnya, bermula dengan hanya tiga program, Matrikulasi TESL, Matrikulasi Perakaunan dan Diploma Sains Komputer dari UPM, Kolej ShahPutra kini mempunyai lebih 20 program

daripada UPM, UiTM dan UTM, merangkumi program diploma sedia ada dan program diploma yang akan dijalankan menjelang 2007.

Dr Azman Zaini berkata, Fel-da turut memberikan tajaan kepada anak-anak peneroka yang memasuki program pra diploma pengurusan perniagaan di Kolej ShahPutra.

"Kolej ini berharap sokongan daripada Fel-da akan lebih membuka ruang dan peluang kepada anak peneroka menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata, penuntut dan ibu bapa tidak perlu bimbang yuran pengajian kerana KSP akan membantu menguruskan pinjaman pendidikan daripada Mara dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Katanya, yuran pendaftaran minimum hanya RM200 dan yuran penginapan RM100 sebulan (termasuk bil air, elektrik dan pengangkutan) diharap dapat mengikis pandangan masyarakat yang mengatakan kolej swasta hanya mementingkan keuntungan.